



KERATAN AKHBAR

CAWANGAN PERHUBUNGAN AWAM IBU PEJABAT, JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA



Terbitan : *Sinar Harian*

Tarikh : *16/5/2023*

M/S : *24*

RM3.3 juta dadah seludup dirampas dalam lima tahun

KOTA BHARU - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM3.3 juta sepanjang tempoh lima tahun bermula 2019.

Pengarahnya, Tuan Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, rampasan itu melibatkan dadah jenis methamphetamine sebanyak 271,305 biji yang dianggarkan berjumlah RM2.7 juta dan ganja seberat 248 kilogram (kg) dianggarkan bernilai RM620,000.

"Kejayaan ini adalah hasil risikan dan siasatan kami dan setiap kes yang diperolehi mendapati dadah-dadah tersebut dibawa masuk melalui sempadan negara di atas permintaan semasa.

"Jika ada permintaan daripada pelanggan barulah barangan itu akan dibawa masuk ke negara ini," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Menurut beliau, pihaknya sentiasa meningkatkan pemantauan dan rondaan serta risikan di semua pintu masuk sepanjang sempadan negara bagi mengekang penyeludupan ini.

Ujarnya, JKDM tidak akan berkompromi dengan aktiviti penyeludupan dan kepada sesiapa yang telah melakukan kesalahan akan dikenakan tindakan tegas mengikut undang-undang.

Tuan Wan Jamal memberitahu, tindakan tegas dan pendakwaan mahkamah akan dilaksanakan bagi mereka yang didapati bersalah dalam melakukan kegiatan penyeludupan.



**TUAN WAN JAMAL
ABDUL SALAM**